

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 13 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 08

## Tunaikan janji di PPR Kota Setar

**ALOR SETAR 12 Sept.** - Penduduk di negeri ini menuntut Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Setar yang sudah siap dibina dibuka permohonan untuk didiami oleh semua kaum berdasarkan 'janji' yang dibuat sebelum ini.

Ini berikutan, pemohon bukan bumiputera didakwa tidak layak menghuni atau menyewa PPR tersebut yang terletak berdekatan Persiaran Hijau Kuning, di sini ekoran faktor tanahnya yang berstatus rizab Melayu.

Pengerusi Pertubuhan Bantuan Bertindak Negeri Kedah, Thana Chew Ne Meng mendakwa, pihaknya menerima banyak rungutan daripada pemohon bukan bumiputera bahawa permohonan mereka sudah beberapa kali ditolak kerana alasan tersebut.

"Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir ketika pertama kali menjawat jawatan itu pernah menjanjikan bahawa PPR Kota Setar dibuka kepada semua rakyat Kedah yang berpendapatan RM3,000

ke bawah.

"Maka, kira-kira 30 peratus atau 150 unit daripada 500 unit di PPR ini sepatutnya dibuka kepada pemohon bukan bumiputera seperti dirancang ketika kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional (BN) dahulu.

"Tetapi, ketika mereka (bukan bumiputera) pergi ke bahagian perumahan, mereka diberitahu PPR ini hanya untuk bumiputera sahaja, jadi semua tak dapat," katanya ketika ditemui di perkarangan PPR itu, di sini hari ini.